

09 FEBRUARI 2018

## Janda muda dalang kes curi tabung masjid

### Janda muda dalang kes curi tabung masjid

MELAKA - Tiga suspek termasuk seorang janda berusia 32 tahun bersama anak lelakinya yang mencuri wang tabung sebuah masjid di Masjid Tanah, Alor Gajah dekat sini diberkas tidak sampai 24 jam selepas mereka melakukan jenayah tersebut pada 1 Februari lalu.

Mereka ditahan bersama seorang remaja lelaki berumur 20 tahun ketika sedang khayal dadah di sebuah rumah di Kampung Jeram, Masjid Tanah di sini pada pukul 2 pagi, 2 Februari lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Jalil Hassan berkata, tangkapan ke atas kumpulan Siti Jeram itu dibuat selepas pihaknya menerima maklumat daripada pihak pengurusan Masjid Ar-Rahman di Rantau Panjang, Masjid Tanah sehari sebelumnya.

"Bertindak atas maklumat dan rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) kita berjaya mengesan tiga suspek tersebut.

"Siasatan awal mendapati ketika kejadian suspek wanita yang juga seorang janda menunggu di dalam kereta jenis Perodua Viva manakala anaknya yang berusia 13 tahun dan seorang lagi rakannya masuk ke dalam masjid untuk mencuri," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di Ayer Keroh di sini semalam.

Difahamkan, ketika kejadian kumpulan tersebut yang aktif sejak November lalu hanya memperoleh wang tunai kurang RM50 yang dipercayai digunakan untuk membeli dadah.

Menurut Abdul Jalil, pemeriksaan mendapati ketiga-tiga suspek positif mengambil dadah jenis methamphetamine dan turut memiliki rekod berkaitan dadah.



INILAH kereta Perodua Viva yang dinaiki tiga suspek untuk mencuri wang tabung masjid di Masjid Tanah, Alor Gajah pada 1 Februari lalu.

Siasatan turut mendapati anak wanita berkenaan yang berusia 13 tahun sudah tidak bersekolah.

"Kita masih menjalankan siasatan mengenai penglibatan tiga suspek itu dalam kes pecah tabung masjid di lokasi lain serta perbuatan jenayah lain," katanya.

Kesemua suspek kini direman bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksamaan kerana mencuri.